



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### CABARAN TIKTOK: PUISI HARI PEKERJA KESUMA 2024

---

Seiring dengan kecenderungan masyarakat memilih medium media sosial sebagai ruang komunikasi, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) mengambil pendekatan sohor kini untuk mengadakan Pertandingan Cabaran TikTok: Puisi Hari Pekerja KESUMA 2024 bersempena Hari Pekerja 2024 bermula pada 8 hingga 21 April 2024.

Melalui pertandingan seumpama ini, landskap kecaknaan akan kepekaan perasaan pekerja dapat dicitrakan secara langsung dan memberi impak besar kepada pemantapan bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

#### A. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN CABARAN TIKTOK: PUISI HARI PEKERJA

- Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.
- Konsep pertandingan ialah secara individu.
- Video pertandingan mestilah dikendalikan dalam bahasa Melayu sepenuhnya.
- Durasi kandungan adalah diantara 2 hingga 3 minit sahaja.

#### B. KANDUNGAN CABARAN TIKTOK: PUISI HARI PEKERJA

- Kandungan (*content*) mestilah bersesuaian dengan Sambutan Hari Pekerja. Peserta boleh menyampaikan karya puisi yang diambil daripada mana-mana puisi penulis Malaysia termasuklah Sasterawan Negara atau nukilan sendiri.

#### C. PERATURAN PENYERTAAN

- Peserta **WAJIB** melengkapkan maklumat peribadi dan maklumat pautan/ *link*/url TikTok peribadi dalam Borang Penyertaan yang boleh dicapai menerusi pautan <https://forms.gle/pHeQK2UGadXjXyc3A>.
- Peserta **MESTILAH** berpakaian kemas, sopan dan bersesuaian sebagai imej perpaduan dan kebudayaan negara semasa rakaman dibuat. Markah bonus akan diberikan oleh juri.
- Penyertaan peserta tidak akan dinilai oleh juri/hakim sekiranya **GAGAL** mematuhi syarat pertandingan.

#### D. PERATURAN KANDUNGAN

- Rakaman kandungan (*content*) **MESTILAH** jelas.
- **TIDAK BOLEH** meletakkan maklumat peribadi, identiti, daerah atau negeri pada paparan.
- Rakaman dan video yang diambil tidak boleh disunting dengan menggunakan mana-mana bahan rakaman video, foto, grafik dan audio yang melanggar hak harta intelek daripada mana-mana pihak ketiga.
- Bagi peserta yang menggunakan karya penulis / sasterawan negara, peserta adalah diwajibkan untuk menyatakan sumber asal karya tersebut.
- Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga.
- Peserta wajib meletakkan tanda pagar #kesuma dan #puisiharipekerjakesuma2024 sebagai publisiti dan *trending* dalam menjayakan program ini.
- Penganjur berhak untuk menerbitkan, mengeluarkan, mengedar, menyunting dan menayangkan hasil ramakan dan video sama ada yang menang atau tidak di laman sesawang, pameran, atau mana-mana saluran media atau media sosial bagi tujuan promosi.

#### E. HADIAH

Tempat Pertama	: RM500.00 dan Sijil Digital
Tempat Kedua	: RM400.00 dan Sijil Digital
Tempat Ketiga	: RM300.00 dan Sijil Digital
Sagu hati (RM100.00 X 3 orang)	: RM300.00 dan Sijil Digital

#### F. PANDUAN PEMARKAHAN

- Penyertaan akan diadili dari segi kriteria yang berikut.
  - Isi/idea : 40 markah
  - Bahasa : 30 markah
  - Penyampaian/persembahan : 20 markah
  - Kesantunan, adab dan bonus : 10 markah
- Markah maksimum sebanyak 30% sahaja akan diberikan oleh setiap juri kepada peserta yang **TIDAK** menggunakan kandungan (*content*) seperti yang dinyatakan di atas.
- Keputusan panel hakim adalah **MUKTAMAD**.

Tarikh keputusan pertandingan akan diumumkan pada 1 Mei 2024 sempena Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan.

#### KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)

4 APRIL 2024